

## **BAB TUJUH**

## **RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

### **7.1 RUMUSAN**

Melalui rumusan kajian tari Melayu Malaysia ini, ia telah dibincangkan dengan mendalam tentang festival tari Kebangsaan (FTK) di Kuala Lumpur. Khususnya festival tari Melayu dalam tumpuan pada tahun 1992 hingga 1999 dan kes tari tahun 2000 hingga 2002 sebagai tambahan perbandingan. Dalam bab tujuh ini, telah dibincangkan komentar akhir bagi menyusun beberapa kesimpulan, iaitu berdasarkan pendekatan yang diperolehi daripada pengamatan atas tari asli dan tari kreatif mengikut program FTK.

Di samping itu, dibicarakan juga organisasi pengurusan dan syarat-syarat penyelenggaraan festival tari tersebut pada peringkat kebangsaan yang diselenggarakan oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Hasil perbincangan ini telah dianalisis, mengenai struktur persembahan koreografi tari dan ia dirumuskan atas beberapa kesimpulan yang umum. Kemudian hasilnya disenaraikan pada akhir dari setiap bab-bab. Bahkan telah diterangkan di bahagian akhir setiap sub-bab pada perenggan di masing-masing bab-bab terdahulu.

Namun demikian beberapa kesimpulan mendasar dan jelas dapat dilihat adanya hubungan antara kedua bentuk penggayaan koreografi, iaitu koreografi tari asli dan koreografi tari kreatif dalam dua kategori tarian. Kedua bahagian ini telah dibicarakan mengikut perubahan budaya dalam semasa ke semasa. Oleh itu, turut diperkatakan

bahawa tari dalam budaya Melayu Malaysia masa kini mempunyai pertumbuhan dan perkembangannya cukup kompleks serta menarik; tarian itu juga disokong oleh aspek seni dan unsur-unsur ‘budaya besar’ yang lain yang turut mempengaruhi bentuk seni persembahan di Malaysia.

Budaya besar dimaksudkan ialah budaya purba peribumi Nusantara. Atau sama ada budaya India, Cina, Arab, budaya bangsa Barat dan beberapa difusi bentuk gaya sesuatu tarian ke atas persekitaran budaya seni persembahan di rantau Asia Tenggara, dan termasuk gaya yang saling meminjam dari negeri-negeri dalam negara Malaysia sendiri. Untuk melengkapai tinjauan pengaruh itu, terhadap budaya tari Melayu Malaysia misal adanya unsur-unsur koreografi yang lazim masuk dan melengkap FTK dan ia memberi identiti tarian ke atas penjelasan sebenar dengan terdapatnya gaya tarian dalam persembahan, yang pada akhirnya koreografi itu menemukan sendiri gaya tari Melayu tersebut agar diperlihatkan kepada pertumbuhan tarian FTK. Oleh demikian, mengenali identiti tari Melayu mesti dirujuk kepada perkembangan tarian itu, dan di daerah penyebarannya dari dahulu hingga sekarang, seperti mana berlaku kesan itu di dalam persembahan program FTK tersebut.

Apabila menyusur galur dalam menempatkan klasifikasi tari Malaysia mungkin dapat dijelaskan pada peringkat awalnya seperti ‘tarian khayal’ (perilaku kinetik gerak). Kemudian berkembang kebentuk ritual yang tradisional, sehingga pertumbuhan berikutnya menjadikan sejarah dan legenda yang sedia ada bagi mencirikan tarian tersebut. Seterusnya bentuk ritual ini ditransformasikan ke dalam bentuk persembahan realistik, dan akhirnya membentuk sebuah tontonan yang berkembang hingga dewasa ini mengikut rekaan koreografi tari yang abstrak.

Melalui sumber asal budaya tari yang diperkatakan di atas, diantaranya telah memiliki tamadun budaya yang cukup lama dikenali berevolusi dalam kebudayaan Melayu Malaysia. Dan budaya itu telah memberi makna yang berterusan kepada pengaruh ke atas seni budaya persembahan tari. Ini berlaku, walau tidak dinafikan bahawa sumber yang asal telah terjadi secara tidak langsung di rantau ini semenjak zaman berzaman lagi. Iaitu persinggungan dengan budaya India, Cina dan Arab. Kesan terakhir lebih dominan ialah daripada budaya Barat. Sebagai kesan daripada sifat-sifat dan ciri-ciri budaya tersebut dapat dilihat sebahagian berlaku dalam sistem masyarakat, kebendaan, perilaku kebudayaan, dan termasuk juga aspek teknik kesenian yang terdapat diserapkan di dalam tarian tempatan, apabila mengetahui koreografi tari tersebut telah dikenali bersepadau di antara teknik tarian timur dan barat, dan ia saling pinjam meminjam satu dengan yang lain.

Contoh utama adalah mengenai proses akulterasi daripada transformasi generatif yang asal. Termasuk juga beberapa iaitu genre gerak, teknik pementasan, bentuk struktur persembahan dan warna-warna budaya yang kesan visualitinya membentuk satu penggayaan tari Melayu Malaysia. Percampuran itu, oleh Tun Abdul Razak, dalam Kongres Kebudayaan tahun 1971 telah memperkatakan lebih awal lagi perkara pertembungan itu sebagai berikut:

Kita sesungguhnya beruntung kerana kebudayaan asli rantau Asia Tenggara ini adalah warisan kebudayaan purba yang bermutu tinggi, merupakan khazanah daripada tradisi-tradisi yang mempunyai nilai-nilai sosial, moral dan artistik. Di zaman-zaman lampau, tradisi-tradisi ini dapat menjamin kehidupan masyarakat yang aman dan stabil di rantau ini, mahupun sewaktu mengalami penjajahan negara-negara barat untuk beberapa lama. Perubahan-perubahan yang timbul dari pergolakan sisiopolitik dan sosioekonomi sesudah Perang dunia Kedua, yang membawa kepada kemerdekaan negara kita, sedapat mungkin hendaklah disalurkan menurut satu cara yang dapat menjamin manfaat kebendaan

tanpa merosakkan nilai-nilai yang ada. Kemerdekaan menyegarkan semula kesedaran kebudayaan atau ‘Cultural Nationalism’ yang tersekat kemajuaannya oleh penjajah.<sup>1</sup>

Pada masa kini, mengikut inti penjelasan di atas, generasi sekarang terutama para koreografer, seniman dan karyawan seni tanahair sebenarnya sudah dapat bersenang hati di mana bentuk dan jenis tari asli tradisional yang sedia ada merupakan kesenian yang perlu dibanggakan dalam bahagian lain dari kebudayaan Melayu Malaysia. Meskipun bertambahnya pengaruh tarian asing ‘gaya urban’ tarian moden dari Barat dari pengaruh (*ras of immigrant*) yang tiada sepadan ini hingga menjadikan sebahagian tarian-tarian tradisi itu kian menuju kepupusan. Ini membuktikan bahawa perubahan budaya tarian dan perkara pertembungan budaya sedang dipertimbangkan oleh seniman, penggiat seni, serta orang-orang yang bersifat praktikal di dalam dunia seni tari dan juga penguasa sebagai pengambil keputusan terakhir bagi mengadakan persembahan. Bagaimanapun pendifusian aspek struktur yang lain, dalam dunia tari menari, di mana-mana ia boleh terjadi mengikut persembahannya yang pelbagai dan temporari.

Lazimnya perubahan itu tidak terdapat dalam struktur persembahan sahaja, melainkan pada bentuk dan gaya gerak geri itu sendiri yang berkembang dalam masyarakat secara trasnformasi generatif dan gaya urban etnik. Perubahan terhadap percampuran ini terjadi secara alami dan semulajadi, kerana disebabkan mengikut rangsangan gerakan kinetik para penari dan koreografer. Tanpa ada perkara pemaksaan, dan ia berjalan sekali gus mengikut kehendak luhur ke atas tarian yang bermakna.

Namun begitu melalui persembahan tari FTK ini, dirasakan amat penting kiranya mengenali serba sedikit tentang sejarah pertumbuhan dan perkembangan seni

tari tanahair ini. Agar penggiat seni tari tidak lagi akan lupa dengan hubungan keindahan yang telah dijalin dari dahulu lagi hingga ke masa kini. Tetapi, perubahan budaya tari mestilah menjadi satu daripada tujuan teori sejarah tari di rantau ini dan secara umum perlu dipelajari. Oleh yang demikian, hasil persembahan FTK lebih memberikan ciri-ciri seni yang realistik, naturalistik dan ekspresionistik seperti tergambar dalam tajuk-tajuk tari dan visualisasi koreografi yang difestivalkan.

Sejarah tari di Semenanjung bahagian barat dengan di bahagian timur di Semenanjung – begitu juga dengan perkembangan tarian di Sabah dan di Sarawak berbeza dari pertumbuhannya, juga perbezaan tari Melayu Malaysia dalam masyarakat secara keseluruhan. Pada persembahan FTK, telah menampakan sesuatu persembahan tari yang bergayakan asli, inang, joget, zapin dan sesetengahnya bergaya masri, serta bentuk tari etnik yang tradisional yang bersifat semulajadi telah dikesan. Meskipun jenis tari ini mendapat tempat sebagai kebanggaan bangsa Melayu Malaysia yang masih ada peminatnya dari semasa ke semasa. Namun susunan proses penciptaan koreografi merupakan sesuatu bentuk yang bersifat lahiriah (media visual), dan telah pula dimasukan ke dalam aktiviti sosiobudaya tarian yang menarik. Lagipun unik mengikut geobudaya masing-masing seni tari itu pada negeri-negeri di seluruh negara.

Sebaliknya, keberadaan tari asli dan tari kreatif ini boleh dijadikan sebagai pengenalan untuk memperkenalkan, bentuk kebudayaan tari kebangsaan yang memang cukup dengan aneka penggayaan, serta pelbagai corak rekabentuk persembahan. Walaupun perubahan budaya seni tari yang berlainan telah berlaku, maka itu ia menuju kepada bentuk kontemporari pada masa kini. Ini merupakan satu proses yang pantas

dan besar, pernah terjadi pada waktu empat dan lima dekad ini, iaitu mengikut lanjutan tumbuhnya persejarahan tari di Malaysia.

Oleh itu, FTK telah memberikan bukti untuk memperlihatkan aneka budaya tari Melayu Malaysia pada peringkat kebangsaan itu, khasnya dari segi perkembangan tema, dan reka corak mempersebahkan. Jelasnya, betapa sekalipun hebat pertumbuhan dan perkembangan ilmu pengetahuan, teknologi, kemanusian serta beberapa teori gunaan, seperti antropologi budaya dalam meninjau pengetahuan tentang dunia tarian itu. Bagaimanapun tari Melayu Malaysia terus bergerak sebagai suatu proses pergerakan manusia, juga seniman tanahair ini sebagai pemaju kebudayaan. Oleh yang demikian, pakar tarian atau koreografer yang menyertai FTK dari semasa ke semasa telah pula memberikan kesan di dalam idea tarian – yang penghargaan akhirnya dapat menuju kepada suatu matlamat, untuk memperkembangkan kebudayaan dan kesenian. Iaitu pada satu ciri-ciri khusus yang gagasan konsep asasnya dapat disebutkan sebagai *interpretative dance*, pada mana pemahamannya tetap merujuk kepada estetika Melayu dalam seni persembahan ini.

Kenyataan perilaku bagi mengolah tarian seperti ini, dalam awal era milinium ke tiga sekarang, peranan budaya tarian semakin bertambah berat dan mencabar. Banyak pertemuan dan perbincangan dunia tari peringkat antarabangsa diadakan di Kuala Lumpur. Program-program tersebut telah membangkitkan suatu isu – pentingnya tarian dalam pembangunan budaya dan pendidikan keilmuan. Maka perkara yang klasik, khususnya sosialisasi penari, dalam masyarakat Melayu selalunya masih mempertikaikan antara wujudnya tari asli dengan tarian yang bukan asli dapat diselesaikan. Meskipun pembicaraan tersebut tidak habis-habisnya terhadap

'kecemburuan sosial' bagi membincangkan perkara ini, terutama atas gaya dan bentuk tarian itu. Bagaimanapun, bahkan dunia tari menari juga menjadi perbincangan yang hangat dan menarik dalam masyarakat Malaysia, untuk menyatakan bahawa tarian ialah sesuatu yang boleh diaktifkan bagi perilaku budaya, atau ditolak sama sekali oleh sesetengah orang dan masyarakat.

Tetapi, budaya tarian dalam kenyataan masih memperlihatkan terjadi penggalakan yang berterusan mengikut realiti dalam dunia menari di negara Malaysia. Khususnya di bandar Kuala Lumpur, dan program Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan telah menyelenggarakan sepuluh kali (sebelas kali untuk tahun 2002) perjumpaan festival tari dalam peringkat kebangsaan (nasional) selama dekad ini. Sekarang, sudah tiba waktunya bahawa seniman dan karyawan tari tidak lagi dianggap sebagai seseorang insan, berdiri di luar pagar komuniti yang bergiat dalam pergerakan seni tari itu sahaja. Melainkan segala yang berlaku dalam pergerakan kesenian masyarakat Melayu itu, dan kenyataan ini ianya merupakan bahagian daripada pengalaman dan integrasi estetika yang dirasainya di setiap waktu.

Sebagai seorang ahli kesenian, atau koreografer, selayaknya dan seharusnya berhati-hati melihat fenomena budaya dan peristiwa yang selalu berlaku dalam aktiviti-aktiviti kesenian ini. Terutama yang boleh dirasakan penting yang akan mempengaruhi kedirian, serta kemasyarakatan persekitaran dunia tamadun Melayu, dan juga di dalam seni dan bidang-bidang kebudayaan yang lain. Tetapi dibalik sikap tersebut, perlu juga diambil kira tentang kemajuan ekonomi, mekanikal dan teknologi yang tidak sebanding dengan kawalan ke atas keadaan kesenian dan budaya spiritual masyarakat rantau ini.<sup>2</sup> Dari kenyataan dunia seni tari di Malaysia masih mempunyai persoalan dan perkara

yang menarik, khususnya tentang sosialisasi tarian itu sendiri. Baik ditemui secara proaktif maupun sebagai yang kontra di dalam perbincangan pada khalayak ramai.

Hampir di merata dunia, terutama di alam Melayu Malaysia dan bahkan di kawasan Melayu Nusantara sendiri, memperlihatkan tarian tradisional yang bercorak alam persekitaran. Sepertinya sungguh bersesuaian atas sesuatu makna di dalam seni persembahan secara bersahaja bagi masyarakatnya itu sendiri. Perubahan dan pengembangan selalu berlaku dalam tarian, di mana seni tari adalah satu-satunya aspek kebudayaan yang sering dan sentiasa cepat sekali berubah. Perubahan ini akan semangkin cepat terjadi, apabila koreografer dan penonton menginginkan terjadinya perubahan terhadap gaya, dan juga bentuk-bentuk baru yang lebih memberangsangkan dalam tarian itu berlaku mengikut rekabentuknya.

Perkara ini boleh disebutkan sebagai *natural dance*, setelah mengalami percampuran antara tarian etnik dengan gaya gerak, dan percantuman itu tidak pernah berhenti hingga dewasa ini. Meskipun bukti-bukti yang unik telah menunjukkan di dalam masyarakat penari itu. Contoh tarian dalam kes FTK memperlihatkan koreografi kreatif yang telah diubahsuai adalah mengikut citarasa pembaharuan. Ia boleh dikategorikan kepada bentuk koreografi kontemporari Melayu terutama daripada segi gunaan dan keperluan persembahan bagi lembaga yang lain atau institusi kerajaan dan swasta. Malah pertumbuhan seni tari itu berkembang mengikut masa dan suasana ketradisionalan adat resam di alam Melayu Malaysia. Perkara ini juga sering terdapat dalam program-program pementasan yang pelbagai corak dan begitupun kesannya turut juga mengisi ruang kepada penggalakkan program pelancongan kerajaan dan juga aktiviti tarian mengikut kumpulan sosial di negara ini. Oleh itu, program FTK menjadi

satu bentuk disiplin budaya yang banyak peminatnya, walau pada bentuk luarnya persembahan tari tradisi itu telah bercampur galur dengan teknik tari moden.

Banyak contoh boleh dilihat, misalnya beberapa bentuk persembahan rakyat, atau upacara ritual sesuatu suku kaum di Sabah dan di Sarawak. Ini cukup memberi bukti bahawa adanya tradisi persembahan tari yang berkait rapat dengan upacara ritual masyarakat di sana. Begitu juga pertumbuhan dan perkembangan tarian untuk kawasan-kawasan di utara, pantai timur dan pantai barat Semenanjung.

Tema-tema tari yang difestivalkan menamparkan bukti bahawa upacara ritual itu masih berterusan, sekalipun dalam cara olahan koreografi yang lebih kontemporari. Kerana aspek-aspek seni pementasan yang pelbagai seperti dalam makyong, menora, kuda kepang, ulit mayang, main peteri, dan juga di dalam pesta *kaamatan* dan *gawai* menjadikan tari tradisional itu memainkan peranan penting. Terutama dalam wujudnya rasa persaudaraan, dan ia saling mengenali antara suku kaum yang berbilang bangsa pada sekumpulan komuniti yang hidup harmoni dalam persekitaran aktiviti berbudaya, serta cara-cara berkesenian yang lain di tanahair ini. Kadangkala gaya sebuah seni persembahan tari tradisional atau bergayakan kontemporari sekalipun ia memiliki kaedah-kaedah budaya tersendiri mengikut ragam dan corok persembahan yang dilihat, sepertinya dalam koreografi tari wakil negeri-negeri yang menyertai program FTK selama ini. Dengan pendekatan kritikal deskriptif terhadap gubahan dalam tari itu; di sini menyatakan sesuatu yang konvensi lebih penting, daripada menitikberatkan tumpuan kepada perkara dramatika tari dan cerita persembahan.

Disebalik itu, jelaslah bahawa fungsi utama daripada seni tari Melayu Malaysia yang dikaji dalam FTK memiliki dua genre tari, iaitu kategori asli tradisional dan

kategori kreatif kontemporari. Sekali gus dapat digunakan sebagai pijakan untuk dipertandingkan dalam program FTK dan kerana itu ia menunjukan kepada analisis ini. Satu lagi kesan yang terdapat dalam seni persembahan tarinya adalah sebagai faktor penyampai dalam erti sebagai “media-komunikatif” yang menghubungkan sesuatu mesej, maksud atau makna-makna spiritualistik yang berkesan kepada penonton. Pertandingan ini lebih baik mengikut citra koreografi, komposisi, serta produksi yang dipersembahkan dalam FTK untuk khalayak ramai dan ini berkesan sebagai pengalihan regenerasi penggerak budaya ini.

Keadaan tersebut sesuai dengan falsafah kesenian, dan juga atas keperluan seni tradisional itu sebagai jambatan berkomunikasi dalam “warisan budaya lama” iaitu berlaku pada sesetengah masyarakat tempatan. Semua itu mungkin dapat diaplikasikan melalui tontonan kepada masyarakat lain, yang boleh lagi menjambatani pemahaman dan hubungan secara tidak langsung, antara perbuatan keperibadian pada bangsa Melayu. Erti lain mengikut kaumnya, secara individu dan berkumpulan melalui seni tari. Ini merupakan suatu rancangan seni persembahan yang mantap pada program Kebudayaan Kebangsaan<sup>3</sup> seperti FTK yang menjadi tumpuan kajian pada awalnya.

Apabila kajian ini telah mengenali koreografi sebagai sebuah tarian, terdapat dua aspek penting; pertama, perkara originaliti atas keaslian karya tari itu yang dipersembahkan, hingga ia ditempatkan sebagai kategori tari asli-tradisional. Kedua, perkara aplikasi atau pengubahsuaian untuk kepentingan daripada kemampuan eksloitasi kepada seni tari rakyat tempatan yang sedia ada, dan menempatkan ‘tari baru’ sebagai kategori tari kreatif-kontemporari.

Oleh yang demikian, dua perkara tersebut adalah selalu menjadi perbincangan yang berterusan di dalam pengamatan tarian tersebut untuk memberikan FTK itu satu pandangan yang bernalas, apabila peminat dan penilai mengkomentari sebuah tarian yang dipersembahkan selama berlangsungnya festival. Barangkali pengalaman menari sahaja dalam analisis komposisi koreografi tari tiadalah mencukupi untuk mendasari pemikiran ini. Seseorang koreografer hendaknya mesti berbuat lebih daripada itu. Namun segi lain pemahaman nilai-nilai kemasyarakatan, dan sosialisasi tari Melayu itu dalam makna etnologi persempahan tari, ianya merupakan satu bidang penting juga untuk melihat kepada perkara aspek struktur tariannya secara totaliti dan uniti.<sup>4</sup>

Daripada perkara di atas, walaupun dunia tarian bertembung dengan bidang-bidang ilmu yang lain, maka dari itu, pada kesempatan ini, disokong pendapat dari Diah Larasati (1997) dan rakan-rakannya, menyatakan sesuatu kegelisahan kelompoknya untuk mengungkapkan ketidaksabaran mereka melihat dunia tarian sertakat ini.

“banyak karya tarian baru dihasilkan oleh seniman besar mengambil idea daripada tradisi rakyat dan menjadikan sebuah susunan koreografi tari yang merangkai berbagai unsur atau motif gerak dari daerah-daerah lain secara sesukahati sahaja, tanpa ia merujuk izin daripada pemilik asal atau tanpa niat kerjasama yang baik.”<sup>5</sup>

Kes dalam tari tradisional di Sabah dan di Sarawak, banyak ditemui “bahawa dalam mewujudkan koreografi tari yang baru dan kreatif kesannya lebih kepada pencatuman antara gaya tari mengikut tari suku kaum etnik yang ada di Sabah dan juga di Sarawak”. Bilamana tarian itu dikaji dengan lebih mendalam lagi di kedua negeri ini ternyata, “percampuran ini akan merusakan nilai budaya tari tersebut dan ia boleh melonggarkan kesempatan bagi gaya tari lain untuk masuk berleluasa ke dalam etnik tari yang sedia ada”.

Kajian dan pengalaman di kedua negeri ini ditemui, manakala terdapat gaya tari suatu etnik ditampilkan bukan mengikut gaya budaya tari itu, maka komuniti kaum di sini akan memperkatakan; "bahawa terjadi sesuatu gaya tari di luar kebiasaan yang berlaku." Kesan ini adalah sensitif sekali bagi sebuah persembahan tari di negara ini, bahkan kegiatan persembahan yang melampaui adat resam suatu gaya tari turut juga menjadi isu yang berpanjangan. Ini bererti sosialisasi dunia tari di Malaysia masih hidup dan berkembang dengan baik.

Kenyataan itu dapat disokong, walaupun inti utama dapatan tersebut memberi huraian yang jelas kepada kajian ini. Dalam peristiwa program FTK, perkara menggabungkan unsur-unsur motif gerak lain berlaku secara tidak langsung dengan tanpa disedari ke atas masing-masing tarian itu. Namun sebaliknya, betapa penting beberapa perkara bagi menciptakan sebuah koreografi tari dalam masyarakat Melayu Malaysia. Mungkin satu contoh pengolahan sumber idea daripada tari rakyat biasa diperolehi mengikut hasil yang sedia ada dalam perilaku aktiviti-aktiviti tradisi kesenian rakyat, atau dalam kaum dan etnik yang lain.

Kemudian, menciptakan koreografi tari yang digubah baru itu adalah berkat hasil daripada penggabungan pelbagai unsur-unsur lain dalam tari yang dipertandingkan mengikut versi FTK. Perkara ini selalu berlaku akibat efek langsung secara sedar ataupun tidak sewaktu melihat kepada beberapa prinsip-prinsip dalam dunia pengetahuan seni tari di negara ini. Iaitu mengikut perkara yang bertembung dengan; kinetik, idealistik, visualiti, auditifikasi dan juga melakukan rekonstruksi-rekonstruksi semula daripada bahan untuk seni tarian. Pendekatan ini berlaku, terutama

terhadap tema-tema gerak yang hampir lups untuk diubahsuai di dalam mempersesembahkan mengikut cara totaliti kepada persembahan tari yang dimaksudkan.

Untuk memantapkan keadaan persembahan yang dimaksud ini, dalam tari Melayu Malaysia ada juga semacam pemberian dari hasil karya rekaan tari yang diciptakan. Seperti mempelbagaikan bentuk dan gaya tari sesuatu ke dalam satu repertoire persembahan pentas secara keseluruhan dalam satu masa yang tidak terhad. Iaitu, rumusan ini turut menyokong dengan amat baik kenyataan teori yang ditulis oleh Umar Kayam (1981), dan memperkatakan gaya hidup penyokong dan penggiatnya atas perkembangan tari sekarang terjadi:

“Yang sesungguhnya terjadi adalah pelebaran – extension – daripada satu gaya hidup. Gaya hidup dimaksudkan semula adalah total, ‘homogen’ yang mencair pada masa satu masyarakat kena pengaruh gergasi daripada industri pariwisata [pelancongan]. Dicontohkan bahawa fungsi tarian, gamelan, patung dilebarkan dari konteksnya yang tidak ritual, tidak religius, yakni yang komersial; jadi yang mencemarkan, dan duniawi”.<sup>6</sup>

Sebuah seni tari kreatif-kontemporari Melayu Malaysia dicontohkan di sini, ia merupakan bahagian lain sebagai warisan budaya dan tamadun yang jelas asal usulnya. Di dalamnya juga terdapat unsur-unsur tradisional yang masih dimiliki oleh pengiat atau seniman penggerak seni tari itu. Namun elemen-elemen koreografi, komposisi dan produksi seni persembahan yang komunikatif itu ia mengandungi estetika yang tinggi, serta adanya sikap aktiviti pembaharuan, yang mudah diterima oleh masyarakat pendukung pada setengah kumpulan tarian.

Terutama menyelitkan aspek hiburan dan meluahkan apresiasi kesenian kreatif untuk persembahan pelancongan. Misalnya melengkapi aspek tertentu dalam pergerakan tari menari melalui sarana gerak badan yang komunikatif untuk

perhubungan pentas dan juga dalam persembahan seni tontonan budaya tari. Berbanding dengan masyarakat di luar komuniti seniman itu, yang kurang tampak berkesan adanya suasana akrab dan mesra untuk memahami aspek tari sebagai bidang pendidikan keperibadian yang penting untuk berbangsa dan berbudaya.

Misalnya, dicontohkan sekumpulan penggendang rebana ubi Kelantan atau pasukan kompong di seluruh Malaysia sudah jelas kelihatan bersemangat, dengan energik bergerak untuk memukul gendang-gendang tersebut. Suasana ini sungguh bermakna pula dalam demonstrasi pemukulan rebana dan kompong itu, sebagai alat muzik tradisional yang merupakan bahagian dari aktiviti kehidupan budaya dan aktiviti sosial. Keadaan ini terjadi kerana penggiatnya telah dapat memahami gaya permainan yang sebatи pada alat muzik itu; iaitu melalui perasaan, perbuatan, dan karektor persembahan dalam komuniti itu sendiri. Berbandingkan dengan adanya unsur pembaharuan yang dipaksakan untuk masuk bergabung, dalam seni yang telah sesuai mengikut citarasa masyarakatnya.

Begitupun juga dengan persembahan membandingkan gerak tangan *Shiu Hsiu* (teknik memukul) dalam genderang Cina, dan juga dengan cara pemukulan seperti dalam permainan genderang *Thavil* India. Kedua-duanya mempunyai maksud lain pada masing-masing di dalam bentuk kebudayaan yang dicontohkan tersebut.<sup>7</sup> Meskipun pengaruh seni pada kedua bangsa Cina dan India ini, sedikit sebanyak turut melengkapi corak budaya persembahan tari Melayu Malaysia hingga kini, secara tidak langsung, atau tanpa disedari percampuran budaya itu telah berlaku secara harmoni seperti yang dapat dirasakan pada sebahagian objek seni yang lain.

Kenyataan tersebut menandakan bahawa masyarakat Malaysia lebih mudah memahami beberapa perkara yang prinsip dalam koreografi tari yang berkembang. Misalnya hal tentang; sikap, aturcara, teknik dan kaedah yang berlaku untuk memperolehi maksud penilaian daripada; ragam pergerakan tari, bunyi, lagu atau rentak tarian mengikut peristiwa-peristiwa persembahan yang komunikatif untuk mempengaruhi orang ramai, juga para seniman tari itu sendiri. Seperti telah dicontohkan dalam analisis kajian ini, khasnya pada bab-bab yang lampau mengikut persembahan tari dalam program FTK yang dibincangkan.

Perbandingan persembahan dalam suasana tarian program FTK itu dapat berbeza dengan sekumpulan gerak tari di alam Melayu, sama ada bagi masyarakat Melayu di Sumatera-Indonesia, Melayu-Brunei dan Melayu-Singapura misalnya; sebagai rekaan gaya ke atas bentuk struktur tari yang diperkatakan ini. Tetapi, sebaliknya dalam masyarakat penari Melayu di Malaysia, yang seumpamanya – dicontohkan iaitu perkembangan pada masa dahulu terhadap rekonstruksi tari. Sewaktu para penari menarikan tari serampang duabelas<sup>8</sup> iaitu bagi pelbagai, kesempatan pementasan yang dapat cuba diperhatikan di Semenanjung. Tentunya terlihat struktur rekonstruksi tari itu sudah jelas berbeza-beza dalam kadar dan kualiti yang tidak seimbang, juga mengikut kemampuan masing-masing penari. Terutama sekali dari segi ekspresif tari, dan tari itu akan bermakna lain apabila dipersembahkan semula mengikut rekabentuk tari serampang duabelas yang asal.

Meskipun di Malaysia, masih terlihat kuatnya ciri persamaan kinesiologi struktur persembahan tari serampang duabelas itu, walaupun berasal daripada gaya tari yang sama dan sewarna sebagaimana berlaku dalam tarian tersebut. Oleh demikian,

seperti telah diperkatakan pada bab-bab yang lain, di sini dapat disebutkan bahawa tari Melayu Malaysia hari ini, telah menampakan satu ciri-ciri yang unik dan khas mengikut gaya persembahan dalam rangka mengisi program-program kebudayaan dan industri pelancongan Malaysia sendiri. Khususnya pada gaya persembahan tari, seperti ditunjukkan dalam beberapa kes gaya gerak geri persembahan program FTK.

Sebaliknya terdapat ciri khas dan perbezaan, di antara jenis tari Melayu di Semenanjung, dengan tari Melayu yang berkembang di Sabah dan Sarawak. Tari Melayu yang berkembang di Sabah dan Sarawak tidak diperkatakan seperti mana dimasukan ke dalam tari etnik atau tradisional di kedua negeri ini. Di sini, persembahan untuk tari Melayu di Sabah dan di Sarawak tetap merujuk kepada gaya tari asli, inang, joget dan zapin; seperti juga ia berlaku atas penamaannya di Semenanjung. Bahkan juga sama berlaku dengan tari zapin, masri, dana, sara dan/atau sambrah di negeri yang lain, seperti di Johor dan Selangor. Masing-masing tari ini memiliki maksud serta erti simbolik yang berbeza satu dengan yang lain mengikut falsafah tari Melayu yang berkembang. Walaupun terjadi saling mengisi atas frasa-frasa gerak geri, namun adakalanya gaya seni persembahan tari yang menyertai FTK sesetengahnya adalah dikebiri, iaitu mengikut pola anjuran oleh orang lain. Juga oleh pihak-pihak tertentu sebagai pengajur<sup>9</sup> atas permintaan untuk dipersembahkan menerusi persembahan seni yang komersial, dan tentunya lagi dalam keperluan “politik-pelancongan” di negara ini. tentunya menerusi visi dan misi program kerajaan Malaysia.<sup>10</sup> Bahkan jelas terlihat atas dorongan keinginan yang besar oleh separoh koreografer di Kuala Lumpur; dan juga permintaan kerajaan negeri sehingga mempelbagaikan pola dasar tari yang sedia ada berlaku di tengah masyarakat.

Seterusnya ada juga ditemui penyimpangan yang tidak bererti dengan menambahkan gaya tari yang bercorak lain, iaitu mengubahsuai dengan gaya tari lain di luar gaya tari Melayu asli yang berkembang di sini. Contoh ini berlaku khusus dalam mempersempahkan bahagian kategori tari asli, selain yang dibenarkan, dan dikenali. Sebab daripada itu, di sini terdapatnya maksud-maksud yang lain sebagai isyarat lisan, atau pun pemaksaan kepada mesej tari yang diselitkan untuk mempengaruhi orang-orang lain. Juga penonton, agar menjadikan ciri-ciri persermbahan yang berbeza-beza ini merupakan satu cara kerja rekonstruksi kepada penyusunan koreografi yang tersendiri, iaitu membentuk “bunga rampai” atau “tari rampaian”. Perkara ini berkesan dan tampak jelas pada kumpulan tari yang menyertai FTK sebagai penyertaan. Walaupun setengahnya terdapat tidak memenuhi syarat, dan penyimpangan ini berlaku dalam kategori tari asli-tradisional, berbanding dengan tari kreatif-kontemporari yang lebih bebas dan lebih kreatif.

Oleh itu, melalui program FTK telah memperlihatkan satu bentuk persembahan tari gabungan. Ditemui satu lagi bentuk struktur, seni persembahan tradisional yang digubah baru, yang diselitkan sebagai pembuka tirai panggung dalam pertunjukan tari-tarian FTK pada tahun-tahun tertentu. Dalam kes persembahan gabungan tersebut, kajian ini telah diajak untuk memahami makna, serta mesej yang disampaikan oleh pengubah dan penggiat seni tari itu. Khusus kepada negeri-negeri atau kumpulan tari dan muzik dari luar penyertaan FTK yang ditunjuk untuk persembahan tari gabungan tersebut.

Secara tidak bertulis atau tidak nyata, memang sukar mengetahui dengan mendalam makna, dan mesej yang dipersembahkan mengikut maksud dari konsep tari

gabungan itu; yang pernah belaku selama tiga kali persembahan. Kerana persembahan tari gabungan ini dipilih atas tahun tertentu sahaja, bagaimanapun persembahan dapat berubah-ubah mengikut kes persembahan yang tidak tetap. Sebaliknya dalam konteks falsafah seni, keindahan apresiasif yang unik menjadikan persembahan gabungan itu memberi makna bersendirian; bahawa penonton dapat memperolehi sesuatu yang berkesan untuk menikmati pertandingan persembahan tari itu, dan ia menunjukkan sebagai wakil daripada "warisan tradisi budaya masa kini". Maka dari itu, melalui kesenian tari Melayu ini, memudahkan orang ramai agar dapat mengenali warisan sesuatu bangsa yang berbudaya, dan telah juga memperlihatkan nilai-nilai kreativiti yang amat tinggi.

Banyak faktor lain boleh memberi suasana penuh erti, bagi memenuhi keperluan peningkatan aspek keindahan dan apresiasif kepada dunia tarian. Satu faktor cara berkomunikasi dalam bahasa seni yang tinggi ialah memperlihatkan bahasa gerak yang bermakna. Mungkin suasana ini, baik diperolehi dengan melihat persembahan secara langsung ataupun tidak; dan hanya boleh jadi kesannya didapati melalui simbol mengikut bentuk dan jenis tari yang sedia ada. Jelasnya, sebuah contoh koreografi komposisi tari yang rancak dan bunyi muzik irangan tari yang menggelegar menjadikan suasana ini telah menggugah perhatian penonton untuk ingin melihat dan mendengar. Apa yang sedang berlaku di atas pentas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau dalam Istana Budaya menerusi program FTK di tahun 1992 hingga 2000 diselenggarakan di Kuala Lumpur. Seterusnya di Dewan Majlis Perbandaran Shah Alam, negeri Selangor pada tahun 2001.

Meskipun keteraturan lenggang lengkok dan lemah gemalai gerak tari serta suara nyanyian yang rancak, menjadikan program FTK sebagai wadah tumpuan untuk menuangkan idea kreatif para seniman penggiat seni tari bangsa ini, untuk berentap dan bertanding. Meskipun ciri kesenian tradisional rakyat yang unik, masih berguna dan berfungsi dalam rekabentuk karya seni masyarakat Melayu Malaysia masa kini, walaupun masih dijumpai perubahan lain yang begitu tidak bererti bagi proses kreativiti tertentu. Dalam erti lain, peranan utama bahawa FTK itu dapat berguna, dan menjadikan tempat yang baik untuk melengkapi kreativiti-kreativiti seniman tari tersebut.

Di segi lain FTK berfungsi menghimpun orang-orang seni untuk berbincang, mengajak, dan juga mempersempahkan hasil karya koreografi tari masing-masing keperingkat yang lebih tinggi. Yaitu ke peringkat kebangsaan untuk menguji kebolehan para koreografer muda tanahair. Walaupun FTK dapat dieritkan sebagai satu tempat dan peluang yang bagus di dalam mengisi program-program kerajaan. Dengan erti lain mengisi, mengaktifkan, menyokong atas propaganda pelancongan serta memandangkan aspek pertimbangan ekonomi, dan memantapkan lagi bidang pengalaman keseniman seseorang rakyat Malaysia.

Di samping banyak aspek lain boleh memberi kegunaan dengan diselenggarakan program FTK di Kuala Lumpur, ia berlaku sebagai kesenian yang telah diorganisasikan secara sempurna dan mantap mengikut porgram tahun dari semasa ke semasa oleh KKKP Malaysia. Hasil keuntungan utama terdapat pada aspek-aspek pendidikan budaya, peningkatan apresiasi seni, pengembangan pengetahuan tari,

dan juga sebagai bidang untuk menggali keilmuan seni dalam kemasyarakatan umum dan persembahan pentas.

Tambah lagi, dijumpai adanya sikap untuk kemantapan psikologi penari, etika budaya, dan nilai-nilai estetika seni persembahan. Kesan-kesan itu semuanya terus menguji kepada kesatuan dalam wujud disiplin aktiviti kumpulan tari masing-masing negeri. Keadaan ini tampak sebagai fungsi bagi meningkatkan rasa percaya diri dalam cara berkesenian di rantau ini. Terakhir, yang utama sekali ialah mengukuhkan ragam serta corak warisan seni tari dalam budaya Melayu Malaysia sebagai pusat perbincangan budaya, rakaman, dan media komunikasi maklumat seni. Lengkapnya mengikut gaya dan bentuk struktur persembahan masing-masing wakil negeri, yang boleh ditemui setakat ini dalam FTK; agar mendapatkan bentuk yang unik yang mempunyai kelainan dalam ciptaan seni tari.

Kerana itu, mengenali FTK sebagai gelanggang menghimpun seniman tari yang datang dari seluruh negara Malaysia, dan kedatangan di pertandingan ini perlu mendapat perhatian yang sungguh-sungguh untuk menerima hasil karya tari yang berkembang. Ini adalah penting, dan khusus kepada badan-badan, institusi-institusi kerajaan serta persatuan-persatuan yang terkait dengan kebudayaan dan kesenian. Apabila menelusuri organisasi pelaksanaan FTK selama ini, ianya boleh dianggap sebagai khasanah yang bernuansakan peri kemanusiaan yang beretika. Lagi pun menyiapkan FTK ini sebagai wadah tempat perhubungan sosialisasi budaya dalam dunia kesenian masa kini. Sehingga program-program FTK bagi masyarakat di luar dan bukan orang-orang Melayu Malaysia, menjadikan hendaknya mereka mengetahui sejarah pertumbuhan dan perkembangan seni persembahan tanahair ini. Kesennya telah

bermula dikenali pada masa lampau, dalam wujud tradisi aktiviti-aktiviti kesenian rakyat tempatan dari zaman berzaman. Di samping itu, melalui pementasan seni tari itu turut juga mengenali perubahan dan penggunaan teknologi atas teknik pementasan yang sedia ada, hingga ke di zaman awal alaf ketiga sekarang.

Mengenali seni tari selama program FTK menjadi suatu perkara baru, seperti terlihat masuknya idea dengan tema-tema legenda yang komunikatif mengikut budaya serta sejarah lokal negeri masing-masing dari seluruh Malaysia. Terutama idea dan tema yang bermuatan aspek ‘pendidikan budaya’ ke dalam koreografi sebagai cerminan aktiviti belia. Sehingga waktu pementasan mesej yang disampaikan dengan alat menari telah digubah sebagai teknik komunikasi seni untuk memenuhi tujuan yang tepat kepada khalayak ramai. Walau bagaimanapun tidak dinafikan selama persembahan tari FTK itu – khasnya kategori tari kreatif, ia lebih wujud dalam bentuk persembahan abstrak atau memberi simbolik, serta penuh dengan unsur estetika yang boleh difahami bersama-sama iaitu bagi penonton awam, dan juga peserta penari.

Namun disebalik itu, keberkesanannya yang dilakukan oleh koreografer banyak aspek-aspek lain menguntungkan untuk mempengaruhi orang ramai sewaktu persembahan tari tersebut. Hasilnya dapat diberikan kepada golongan generasi yang berjiwa seni, dan ia telah memperlihatkan dalam mencipta suasana yang serta gamatnya pada pertandingan itu setiap tahun. Misalnya terlihat adanya berbentuk persembahan kolosal, ada kelas, rasa seronak, cantik, kacak, belum glamour, dan *gala show* untuk penampilan sesetengah kumpulan tarian itu.

Di segi lain perkara falsafah-seni, estetika-folklor, antropologi-budaya dan benda-benda yang ditarikan; semua telah diambil kira oleh para koreografer untuk

menghasilkan dan menokok tambah persembahan koreografi tari yang bermutu, dan mempunyai kelainan. Kerkesanan hasilnya ditemukan jalinan hubungan rapat antara aspek yang diperkatakan terakhir ini, untuk mempengaruhi minda orang ramai apabila menyaksikan tontonan seni tari yang baik. Sehingga warisan seni tari tradisional dan kontemporari Melayu itu hendaknya mendapat tempat dalam dunia yang tersendiri, supaya mestinya bersatupadu mengikut kemesraan suatu bangsa yang bertamadun.

Di masa mendatang persembahan FTK mungkin dapat dijadikan sebagai model bagi wujudnya persembahan festival seni yang bertaraf antarabangsa, apabila diaktifikan tari Melayu di Malaysia yang sedia ada, menerusi jenis tari yang hampir lopus dan ia akan berubah dalam corak yang baru. Ini mungkin menuju kepada bentuk seni tari yang berguna untuk sarana sebagai “media-komunikasi” dan “penyampaian-hiburan” untuk khalayak ramai dan menekankan pentingnya ‘nilai ekonomi’ di masa-masa mendatang. Buktinya hampir seluruh pesta perayaan atau festival-festival seumpamanya, mengguna corak dan ragam persembahan yang pelbagai dengan menambahkan beberapa alat muzik tradisi, yang unik sebagai kelengkapan persembahan untuk menarik minat orang ramai. Seterusnya menjadikan *event* kepada festival tari yang lain, sebagai tumpuan perhatian dalam perayaan semasa, dan juga sebagai ‘pembuka tirai’ panggung suatu pesta persembahan tari menari di seluruh negara. Akhirnya persembahan tari itu dapat pula mencerminkan identiti budaya seni tari negara ini, dari semasa ke semasa.

Seterusnya, apabila kajian ini merujuk bentuk dan elemen komposisi dalam pembuatan koreografi tari tradisional dan kontemporari, rumusan ini berhadapan dengan pelbagai aspek komposisi dan produksi yang pada prinsipnya telah menjadi

bidang pengetahuan dalam dunia keilmuan tentang tari. Pengetahuan koreografi tidak hanya boleh dilihat dalam wujud yang lahiriah sahaja, tetapi sebaliknya perkara tersembunyi dalam persembahan barangkali secara dalaman turut mempengaruhi khalayak penonton. Banyak sudah contoh kesimpulan ini pada bab-bab yang lalu, ia telah disenaraikan pada kes seumpamanya, dengan memberi keterangan dan penjelasan.

Perkara kekoreografian yang dibincangkan itu tiada bermakna bagi suatu komposisi dan produksi tari dalam budaya tradisi Melayu, melainkan ia akan berpengaruh untuk suksesnya suatu teknik serta sistem pembuatan struktur persembahan tari itu secara menyeluruh dan berpadu. Sebagai contoh, perkara yang dihadapkan kepada khalayak ramai, ialah aspek yang berkenaan seperti menghalangi pandangan penonton; paduan keserasian warna pakaian; menghadirkan gerak atkrobatik; penggunaan alat tari yang berlebihan; teknik gerak mengikut lojik, pergantian pakaian yang tergesa-gesa; dan semua ini telah dibincangkan satu-satunya pada bab terdahulu.

Oleh itu, hasil kaedah komposisi dalam koreografi tari kreatif itu, di mana terminalogi tari tradisional telah menemukan beberapa istilah dalam tari Melayu Malaysia itu sendiri, di masa kini. Keadaan ini oleh penggiatnya telah dapat memperolehi erti tari sebagai satu produk kepada sistem pengetahuan seni tradisional tempatan. Teori ini terus difahami sebagai erti lain yang terdapat pada jalinan hubungan, antara pelaku dan penggiat budaya tari dengan sebilangan pemakai dunia tari. Meskipun ia tetap merujuk bagaimana cara persembahan anjuran kerajaan, atau si yang terkait, serta masyarakat penonton dipihak yang lain.

Satu kesimpulan yang lebih penting pada bab akhir kajian ini dapat disenaraikan kembali tiga pertanyaan.

- 1) Adakah dengan diadakan program FTK, menjadikan warisan budaya tari tradisional dan kontemporari itu dapat mengambil tempat dalam pembangunan, pertumbuhan, dan perkembangan kebudayaan di rantau ini.
- 2) Bagaimana aturcara yang ekspresif dan efektif dapat diguna dalam pelaksanaan organisasi FTK, untuk membezakan bahawa persembahan tari yang difestivalkan dengan sistem penggalakkan pelancongan itu berjalan mengikut semestinya.
- 3) Bilakah waktu yang tepat apabila tari asli-tradisional dan tari kreatif-kontemporari sebagai karya seni pentas dapat dipelajari dan dikembangkan dengan menambahkan aspek elemen koreografi, komposisi, dan memperkenalkan produksi pementasan untuk persembahan karya seni atau hiburan dalam memahami tari sebagai warisan budaya bangsa tradisi Melayu Malaysia.

Demikian juga yang terjadi dengan koreografi dan komposisi tari asli dan tari kreatif; di sini telah ditemukan beberapa karakteristik gerak yang menarik mengikut teori elemen koreografi dan komposisi tersebut seperti telah diperkatakan. Oleh kerana itu, terdapat dan terlihat dengan jelas seperti adanya tema tari, gaya persembahan yang terstruktur, frasa gerak yang teratur, komposisi bentuk lantai, komposisi bentuk kelompok, pengaruh perspektif projeksi terhadap penonton, ekspresi jiwa penari yang pelbagai, set dekoratif pentas yang unik, alat menari yang artistik, serta muzik iringan tari yang padu apabila dipersembahkan mengikut gaya persembahan tari FTK.

Di samping pernyataan di atas, kesimpulan kajian pada aspek fungsi, masa, ruang dan gerak dalam proses koreografi tari program aktiviti FTK nampaknya para

koreografer telah mempergunakan nilai-nilai murni kepada perekaan teknik tari moden dan hasilnya sekali gus dapat dipersembahkan. Perkembangan ini berlaku dari tahun ke setahun iaitu antara 1992 hingga 1999 dan (ditambah dengan persembahan FTK tahun 2000 dan 2001). Ianya diselarikan dengan estetika dan norma berkesenian yang sedia ada secara tradisional pada masyarakat Melayu Malaysia masa lampau hingga masa kini. Corak dan teknik kemodenan itu menentukan pula bentuk dan gaya tari Melayu itu menjadi sesuatu yang mempunyai kelainan dan unik seperti satu sistem iaitu tari rampaian. Dalam kesimpulan kajian koreografi FTK, aspek tersebut terbagi sepertiuraian seterusnya pada perenggan di bawah ini.

Namun sebelumnya, komposisi kelompok dan produksi dalam koreografi tari adalah penting untuk menghidupkan dramatik tari. Komposisi kelompok ini beberapa bahagian telah berhasil dengan baik dikomposisikan selama tarian itu dalam FTK ini, dan ia meliputi teori yang bersifat tradisional mengikut cara rekaan negeri-negerinya. Sedangkan prinsip-prinsip komposisi kelompok itu untuk mencapai bentuk koreografi tari tampak dengan jelas. Antara lain diperlukan seperti adanya kesatuan, variasi, ulangan, kontras, perpindahan, rangkaian, klimaks, perbandingan, keseimbangan, dan harmoni bagi suatu koreografi yang sempurna.

Walaupun rumusan ini diharapkan terutama pada bahagian awal pengenalan tarian, hendaknya berkesan dan bersesuaian dengan tema-tema sebagai suatu cerita yang dipersembahkan. Kenyataan mengandungi kelemahan pada sesetengah tari yang difestivalkan itu adalah perkara biasa. Begitu juga kesan daripada keinginan para koreografer selama FTK, walau masih mengabaikan aspek teknik penguasaan pentas untuk disesuaikan kepada pemeranan karektor tari atau rekabentuk kelompok mengikut

ragam gerak dengan memperkenalkan kostum secara simbolik. Idea ini tidak dapat dinyatakan secara maksimum untuk meletakan penari beraksi dalam gerak geri sewaktu mempersesembahkan tarian.

Ada masa kesempatan yang baik bagi seseorang koreografer dapat memainkan peranan dalam menentukan sebuah idea tema gerak ke atas pentas, meskipun ia telah berusaha dengan sungguh-sungguh. Perkara ini tidak mudah untuk pengkoreografian pada bahagian susunan persembahan tari. Koreografer harus menentukan langkah-langkah yang baik atas kesinambungan cerita kepada adegan dan rangkaian gerak geri.

Termasuk juga hal penting penegasaan gerak untuk disesuaikan kepada kemampuan fizikal para penari yang dipilih. Begitu juga pemilihan awal tarian sebagai pembuka tirai panggung dan ini penting dalam mengkonstruksikan sesebuah persembahan tari yang bersifat kreatif. Kerana ada tiga aspek yang membina kostruksi koreografi tari kreatif itu dan ia perlu dihubungkait antara satu dengan yang lain secara berterusan, seperti adanya:

- 1) Awal tarian (*predance*),
- 2) Batang tubuh tarian selama menari (*duringdance*), dan
- 3) Akhir tarian (*postdance*).

Kesimpulan kajian menemukan cerita dalam koreografi tari seperti diitemui beberapa hambatan yang sememangnya perlu dilihat sebagai satu analisis untuk memberi tanggapan yang bererti. Dalam keperluan perubahan-perubahan koreografi, komposisi, dan produksi tari mengikut penari bergerak serempak mengikut ukuran gerak yang ditetapkan dan banyak faktor mengakibatkan hal ini boleh menghilangkan ketidakteraturan gerak pada akhir-akhir di bahagian persembahan. Disedari kerana pada

akhir tarian itu secara umum para penari sudah tidak bertenaga untuk menyelesaikan tarian. Sehingga ada kesan pencapaian maksud gambaran cerita dan konsep tari sebagai suasana yang ditonjolkan tidak dapat dicapai dengan baik. Ini menjadi kesan yang kurang kepada pencapaian persembahan itu. Terdapatnya penggambaran gerak geri pada suasana cinta, gembira, sedih, kampung, di sawah, hutan, sungai, tasik, tepi bendang, halaman rumah, dalam istana dan lainnya. Di sini hasilnya didapati ada semacam penyesuaian yang tepat dengan aspek teknik pengolahan tari mengikut tema-tema alam semulajadi dari realiti sebenar dalam pemilihan tema tari.

Keadaan ini memberi karektor yang khas kepada penari dan suasana ini adalah perlu sebagai perspektif dan projeksi hubungan antar penari dengan penonton untuk menemukan mesej tari yang ditampilkan. Bahagian ini dapat memberikan satu nilai yang utama kepada penonton dan banyak rasa konflik-konflik dramatik dalam tari dan dalam diri penonton sendiri boleh berkesan baik dan mempesonakan. Pemilihan gerak ini ialah perkara tersendiri seperti telah dibicarakan pada bab terdahulu, sehingga para koreografer telah mencapai koreografi tari yang baik dan menyentuh nilai-nilai estetika tari Melayu.

Kesimpulan membincarakan teknik dan kecekapan bergerak, adalah faktor pembentuk pencapaian bagi setiap penari dan teknik-teknik tersebut perlu juga menjadi perhatian para koreografer yang mula sekali turun ke gelanggang pertandingan tari. Penguasaan ini membuktikan bahawa kerja-kerja seni tari atau taridra (dramatari) akan berbeza dengan proses terbentuknya seni yang lain, seperti teater, seni tampak dan kraftangan. Proses latihan berulang-ulang adalah penting dan diperlukan satu analisis untuk mengenali struktur morfologi tari itu. Hasil yang dinyatakan keseluruhan pada

penari memiliki teknik gerak yang berkesan untuk dilihat seketika. Kerana ada antara para penari yang telah memiliki peringkat penari yang boleh dinyatakan sebagai primadona, atau julukan namanya sebagai sri panggung dengan teknik serta kualiti mengikut teknik tari Melayu Malaysia yang sebenar dan baik. Meskipun kadangkala ditemui watak tariannya di luar daripada teknik itu.

Banyak gaya tari FTK pada mana rekabentuk susunan penari di lantai, memiliki maksud yang pelbagai dan ini dapat difungsikan untuk keperluan tema dan idea cerita masing-masing konsep. Penggunaan alat tari dan muzik adalah penting juga untuk membantu menghidupkan suasana seperti yang disenaraikan. Pada masa yang tepat dan jelas para penari berada di atas pentas dan tempat-tempat yang telah memiliki kekuatan pentas untuk beraksi menari. Bahkan terlihat sempurna pada teknik gerak tertentu sekalipun sukar bagi rangkaian gerak yang satu kepada rangkaian gerak yang lain untuk membangun gambaran tema sesebuah suasana tarian.

Hasilnya dijelaskan, di mana penari telah memiliki keyakinan apabila berada di pentas, dan untuk mengenali kekuatan pentas itu boleh memperagakan gerak yang bersesuaian dengan rekaan komposisi gerak seperti yang telah disusun. Tambahan lagi, penari yang berada statik di pentas ia mampu berkosentrik untuk perhatian kepada tenaga dan fikiran yang tenang. Terhadap konstruksi tari yang terjadi, selalu berada dalam struktur tari yang mantap untuk dapat digerakan menjadi rangkaian-rangkaian gerak dan ianya terbina mengikut idea persesembahan. Oleh itu, disedari kerana para penari telah berlatih dengan cukup baik, iaitu mengikut kerja-kerja berkumpulan dalam kelompok penari berkenaan.

Keseluruhan motif gerak geri telah dihadirkan sebagai bentuk gerak tempatan yang popular dan unik. Bahkan gerak yang lain yang bersifat urban gerak terlihat sebatی dalam rangkaian tari kreatif untuk mendapatkan warna-warna dan kelainan persembahan. Misalnya seperti gaya daripada tarian Aceh, tarian Melayu Deli, tarian Minangkabau, tarian Sunda, tarian Jawa, tarian Sulawesi, tarian Kalimantan, tarian Siam, dan juga kinestik atas tarian Cina dan India yang merupakan gagasan yang baik untuk mempelbagaikan lagi warna dari motif-motif gerak. Kerana umumnya motif gerak geri tari yang direka baru tersebut sudah saling meminjam penggayaan yang satu dengan yang lain. Sehingga antropologi tari Melayu Malaysia dan sosiologi tari ini, telah dianalisis mengikut anatomi struktur tari, dan terpadu mengikut rangsangan teori kinesiologi untuk memperkatakan keadaan gaya urban gerak tarian etnik. Dari itu, keadaan ini menandakan bahawa apa-apa yang terlihat dalam pita videografi tari Melayu Malaysia masa kini, telah terjadi suatu perubahan atas susunan koreografi mengikut sejarah tari di Semenanjung.<sup>11</sup>

Mungkin rumusan yang boleh didedahkan di sini, bahawa telah terjadi interaksi campuran dalam kesenian, ialah melalui jenis persembahan tari Melayu Malaysia dengan percampuran aspek-aspek itu berlangsung dan ia turut juga berlaku dalam koreografi tari FTK. Namun fungsinya telah menjadi nyata, untuk menemukan terjadi interaksi suatu keadaan ‘silang budaya’ atau gaya urban etnik antara aspek-aspek koreografi dengan seni yang lain, untuk keperluan pementasan budaya persembahan etnologi tari. Dengan pembicaraan ini, kesimpulan boleh diertikan sebagai satu perolehan baru, iaitu berkenaan dengan percampuran budaya dari semasa ke semasa secara berterusan pada wilayah budaya tari di Malaysia. Kenyataan itu satu bukti

bahawa pergerakan budaya jenis tari tradisional, dan termasuk juga tari kontemporari, digiatkan oleh komuniti berbilang kaum dan bangsa di negara Malaysia. Ianya telah berkembang dengan pesat pada satu dekad kebelakangan ini iaitu dekad 1990-an hingga tahun 2001.

Daripada kenyataan kes-kes FTK menunjukkan satu perubahan baru dan menentapkan sikap budaya tari telah memberi ciri-ciri tersendiri dari bentuknya yang beridentiti dikenali sebagai tari rampaian. Proses mencipta koreografi dan menyertai pertandingan atas tujuan program FTK, adalah sesuatu yang menggembirakan di antara pengisian ruang kepada berlakunya pertumbuhan sejarah tari Melayu Malaysia yang jelas dan terang sekali. Kesan ini, yang akar umbinya dikenali ia bermula pada tahun 1956 hingga ke tahun 2001. Sejarah tari tersebut telah memberi sumbangan yang bererti bagi masyarakat penari dan juga seniman di negara ini.

## 7.2 KESIMPULAN

Kesimpulan kajian ini dinyatakan, ketika menganalisis produktiviti karya tari dalam FTK yang bernilai estetik dan falsafah. Analisis tari tersebut telah dipertimbangkan ke dalam tradisi masyarakat tempatan yang mungkin bersifat; sejarah, etnografi, kinetogram, dan interpretiviti sosial tari yang ditunjang melalui aspek persembahan budaya tari dalam susunan yang terancang kepada sesuatu program tari seperti FTK. Didapati iaitu adanya unsur-unsur pengalaman, pendidikan, motivasi kerja seni dan kemampuan susunan kepada koreografi tari yang boleh diandalkan, sehingga para koreografer-koreografer memiliki idea dalam mencapai tujuan persembahan tari itu.

Dalam erti lain penggiat seni budaya tari telah membina adanya hubungan yang positif antara pelaku-pelaku seni dengan masyarakat semasa menjembatani sikap menari dan pengalaman apresiasi dalam mempertingkatkan produksi tari yang bermutu. Kerana pengalaman estetik dan spiritual kepercayaan sangat penting bagi eksistensi seni dan keagamaan di dalam kemodenan kebudayaan masyarakat Melayu Malaysia. Alasan lain ialah disebabkan oleh pengalaman batiniah dan tanggungjawab falsafah yang menjadi kayu ukur bagi kualiti keberadaan seni persembahan tari tanahair dalam erti tari kebangsaan.

Penyelidikan tari Melayu Malaysia yang terhimpun dalam koreografi asli-tradisional dan kreatif-kontemporari selama FTK (1992-1999). Ianya tetap memberi pengalaman peribadi kepada para koreografer dan penari itu sendiri dari semasa ke semasa. Produktiviti koreografi itu yang telah dihasilkan dapat dipersembahkan untuk masyarakat dalam satu persembahan bersama melalui nilai-nilai sosiobudaya Melayu yang sedia ada di Malaysia mengikut lembaga pakar-pakar pengambil keputusan. Dari kenyataan itu, aspek perkara berikut memberikan bukti dan disimpulkan hasilnya.

Segi kualiti dan kuantiti terhadap koreografi asli dan koreografi kreatif ia tidak selalu digerakan dengan usaha kekuatan fizikal badan yang ditonjolkan mengikut nilai artistik sahaja. Tetapi melainkan ia memberi penghayatan dalamam untuk membantu estetika gerak tari itu. Terciptanya tarian dalam program FTK telah diusahakan mengikut aktiviti cara berkumpulan, dan terpadu bagi memiliki ciri-ciri seperti yang dikenali dengan tari rampaian.

Segi tenaga dan usaha dalam koreografi tari tidak melebihi kemampuan seseorang penari, melainkan gerak lebih banyak mengikuti rentak dan irama irungan

muzik yang umum mengikut persembahan masing-masing. Dari itu, peselarian tenaga dan usaha dapat menghindari kesan kelajuan yang di luar kemampuan penari untuk mendapatkan adab resam dalam seni persembahan tari Melayu Malaysia itu setakat ini. Namun ia akan berubah dari suatu zaman ke zaman yang lain mengikut gaya persembahan.

Kerana koreografi dalam FTK yang difestivalkan bersifat subjektif, maka keberhasilan penilaian dan pemberian markah diserahkan kepada penonton dan juga kepada dewan panel juri dan panel hakim sebagai pakar pengamat tari yang cara kerjanya boleh dipertanggungjawabkan pada tahun-tahun itu walau pada awalnya koreografi tersebut dipersembahkan untuk keperluan satu penggalakkan bagi persembahan tari dalam menunjang program kebudayaan dan pelancongan.

Di samping perakaman seni tari lama dalam keperluan dokumentari kebudayaan semasa, perkara ini berdasarkan hasil koreografi asli-tradisional dan koreografi kreatif-kontemporari adalah menjadi sokongan kepada koreografer-koreografer muda tanahair ini. Dan hasilnya dapat mempertingkatkan mutu kesesuaian seni persembahan budaya Melayu Malaysia yang sedia ada di masing-masing negeri dan kumpulan tari yang lain dari semasa ke semasa.

Sebagai hasil pembicaraan akhir kajian kepada tari Melayu Malaysia, yang telah dilakukan dengan pelbagai pendekatan dan analisis videografi kepada struktur tari mengikut kes FTK. Maka kesimpulan secara menyeluruh dapat dicapai dan diberikan seperti penjelasan yang berikut.

Asas tari tradisi asli-tradisional adalah mempunyai asal usulnya yang jelas, daripada penyesuaian kepada bentuk dan gaya tari yang tumbuh dan berkembang

sebelumnya zaman purba hingga bertembung kepada tari kreatif-kontemporari Melayu Malaysia masa kini. Mengikut tradisi Melayu pula kebudayaan memainkan peranan penting tentang berkembangnya peta budaya seni persembahan tari tempatan mengikut negeri masing-masing.

Oleh kerana itu, maka pihak Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia; di sini, telah memainkan peranan utama untuk memajukan lagi pertumbuhan seni persembahan tersebut, khasnya seni tari seperti telah dihuraikan pada kes-kes terdahulu. Namun sebaliknya, analisis-kritikal dan penelusuri urutan sejarah seni tari Melayu ini telah pula memberi satu perkara khusus untuk membangun sesebuah persembahan tari itu dan boleh dimajukan dan dipertingkatkan.

Kepada para koreografer, seniman dan karyawan seni dapat bergerak lebih maju lagi, dan kerana oleh adanya lembaga (pengurus FTK) ini dapat menyiapkan wadah yang baik untuk memberikan peluang yang bererti dalam mempertinggi mutu persembahan dan karya tari yang direka cipta. Di samping itu, bagaimanapun aspek ekonomi atau sistem komersial sungguh memainkan peranan dan peluang untuk kesempatan itu bagi mengadakan persembahan. Ini satu perkara yang bagus dan mesti dikaji dalam memberikan sumbangan yang berpatutan kepada khalayak dan penonton seni di seluruh negeri-negeri rantau ini.

Pihak kepada KKKP pula, memberikan satu program yang menguntungkan – walaupun pihak KKKP sebenarnya telah memberi peluang yang baik untuk orang ramai rantau ini dalam mendedahkan pelbagai kesempatan aktiviti kebudayaan apabila mengadakan persembahan tari. Di samping program FTK: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Istana Budaya Kuala Lumpur adalah merupakan tempat yang memadai

untuk dapat mengadakan persembahan, sehingga masyarakat dapat menikmati hasil karya seni tari dan budaya persembahan yang pelbagai corak serta jenisnya.

Termasuk juga seni budaya yang digolongkan kepada peringkat kebangsaan dan kesenian bertaraf antarabangsa. Keberadaan dua gedung tersebut, setakat ini barangkali kerana masyarakat Malaysia lebih bersifat heterogen dalam berbudaya dan masyarakat ramai pula turut menyokong tumbuhnya pelbagai seni budaya yang setiap waktu boleh ditemui di negara ini. Oleh itu, peranan yang telah diberikan oleh KKKP kepada rakyat Malaysia dan orang ramai dapat dimengerti dan difahamkan. Terutamanya, menciptakan suasana mesra yang penuh bersahabat dalam penyelenggaraan program kebudayaan dan kesenian.

Penyusunan program FTK selama sepuluh kali dari tahun 1992 sehingga tahun 2001 telah dipersiapkan dangan baik dan cergas, dan ini juga memberikan satu erti kepada keberkesanan melihat betapa pentingnya pertumbuhan budaya dan pengurusan seni pentas di negara ini sendiri. Perubahan yang mantap, dari tahun ke tahun, menandakan program FTK telah menonjol dan juga diminati sebagai tempat mempersembahkan seni persembahan tarian yang telah diberi julukan “peringkat kebangsaan”.

Sebaliknya pula, program ini dengan visi dan misi yang jelas, diutamakan menarik peloncong dari luar negara untuk dapat berkunjung mengenali Malaysia dalam kiatnya yang tersirat bagi pengurusan KKKP untuk menarik keuntungan daripada aspek pulangan perekonomian negara walaupun melalui mempergiatkan aktiviti budaya dan seni. Oleh itu, ternyata program FTK ini membuktikan kepada orang ramai, tentang sejarah seni persembahan tanahair ini, hingga dengan satu program yang terancang dan

dapat bertahan dari kesan yang telah dikenali bermula pada tahun 1956 lagi. Iaitu telah diadakannya program Peraduan Tarian Tahun 1956, Pesta Tarian Tahun 1968, Pertandingan Tarian Tahun 1976 semasa KKBS, sehinggalah kepada program pertandingan yang dikenali dewasa ini dengan Festival Tari Kebangsaan daripada tahun 1992 hingga 2001. (tahun 2002 bertukar nama menjadi Festival Tari Malaysia).<sup>12</sup>

Banyak jenis, bentuk, dan gaya tari dalam pertumbuhan budaya yang sifatnya gubahan baru, berkesan sekali untuk menyatupadukan artis budaya dalam satu bahasa gerak dan budaya. Iaitu dalam konteks satu persahabatan dalam mengenali kebudayaan dan masyarakat seni di Malaysia melalui FTK ini. Hasilnya persembahan tari pada festival yang aneka corak tersebut dari masa dahulu, telah memperkaya kepada aspek dan unsur dalam tari Melayu Malaysia, hingga sekarang, dan menuju ke masa-masa hadapan.

Perkara ini ialah pengaruh gaya urban etnik dari luar yang diperbincangkan terdahulu turut memperkaya lagi. Terutama sekali komposisi tari atas pola gerak, teknik, dan cara produksi persembahan seni itu sendiri. Kerana pengaruh yang pelbagai pada tari kreatif itu dalam sifatnya, sesuatu yang boleh ditakuti dan dielakan untuk sesebuah kemajuan kreativiti. Bahkan festival tari mengikut kes FTK lebih memberi satu rangsangan yang bermakna khusus dari segi pertumbuhan dan perkembangan budaya tari di rantau ini.

Daripada aspek lain, telah dibicarakan juga perkara berkenaan dengan ‘teori karakteristik’ persembahan dan ‘interpersonal kritikan’ terhadap kajian program FTK ini. Oleh itu, perbincangan menerusi perkara yang dihadapi semasa analisis, tetap dengan sikap kritikaliti dan interpersonaliti. Interpersonal tersebut selalu dikaitkan

dengan bandingan kepada kajian tari dari luar (antar negeri dan antar negara), iaitu sebagai bidang yang diperbandingkan itu ialah mengikut kronologi pertumbuhan dan perkembangan sejarah tari Melayu secara keseluruhan. Dan hasilnya telah memberi gambaran tentang kehadiran peta budaya seni tari Melayu Malaysia, mengikut kajian ini yang telah dijalankan.

Pada segi lain analisis yang kritikal telah memainkan peranan dan menetapkan cara kerja untuk memperkatakan sesebuah struktur tari asli-tradisional dan kreatif-kontemporari Melayu Malaysia ini. Terutama memandang segi bidang keilmuan dan unsur komposisi dalam memandang kepada struktur koreografi tari asli mahupun kepada tari kontemporari. Di mana unsur idea, tema, gagasan, muzik, kostum serta kelengkapan pementasan merupakan aspek-aspek yang memberi paduan untuk memperkatakan kategori tari yang dibincang itu sebagai kesimpulan.

Bahkan beberapa pengamatan daripada hasil tari selama program FTK itu; telah memberikan pula pelbagai rentak, corak, dan warna persembahan yang bermutu dari semasa ke semasa bagi seluruh negeri di Semenanjung, Sabah, dan Sarawak. Di samping itu, aspek kreativiti merupakan suatu yang subjektif dengan memantapkan tingkat motivasi dan inovatif idea tarian para koreografer-koreografer itu yang telah menampakan satu bidang terhadap sosiologi tari Melayu yang menarik dari segi tema di rantau ini. Ia memberi pula sifat-sifat untuk mempergiatkan lagi dari apa-apa bentuk dan jenis seni budaya tari yang sedia ada. Khasnya tentang mencari identiti dan maskot di dalam tari-tarian yang telah diusahakan mengikut kelompok kerja para koreografer muda, yang terarah dalam persiapan mereka sewaktu dan/atau akan menghadapi program FTK selama sepuluh tahun.

Hasil daripada kesimpulan tesis ini, terutama bidang koreografi tari Melayu, komposisi dan produksi persembahan telah memainkan peranan yang penting sebagai antitesis di dalam analisis yang dijalankan kepada kategori tari asli-tradisional dan tari kreatif-kontemporari agar tari Melayu berkesan dalam mendapatkan sintesis budaya tari di Malaysia. Unsur-unsur seperti tema, gaya persembahan, frasa gerak, komposisi lantai, komposisi kelompok, perspektif projeksi terhadap penonton, ekspresi penjiwaan penari, set pentas, alat menari, pakaian, teks sastera, lagu, nyanyian, muzik, juga juruacara dan pengurus pentas, semuanya dipadu dalam teknik rekabentuk tari moden atau tari rampaian. Teknik rekaan itu menjadi bahagian yang sedia ada di dalam teori tari tradisional dan klasik di rantau ini. Ini adalah menjadikan sebagai tesis perkara yang diperhatikan menerusi kajian ini.

Sebahagian besar aspek-aspek tersebut secara tidak disedari telah memainkan peranan utama pada pertumbuhan tari asli Melayu Malaysia, iaitu pada masa lampau mengikut sejarah tari Melayu. Sekalipun unsur ini secara terpilih adalah menjadi perhatian yang bermanfaat bagi setengah koreografer di seluruh negeri. Keutamaan dalam rekacipta terhadap tari kreatif, yang dipertandingkan dan ikut serta ke peringkat kebangsaan sebagai perkara antitesis untuk mendasari program FTK itu. Setiap unsur koreografi yang dipilih, amat berguna dan ia membawa maksud penting dalam teknik menyusun karya tari, khas kepada gagasan idea yang bersesuaian dalam memilih bahan gerak tempatan untuk sesebuah seni persembahan. Walaupun kesederhanaan, etika persembahan, estetika semasa, rekaan gerak yang baik dan persembahan yang unik telah memperlihatkan sesuatu yang berkesan untuk memperolehi sintesis seni persembahan tari Melayu Malaysia sekarang.

Kisah-kisah sejarah tempatan, legenda, wira, upacara ritual, promosi kawasan, propaganda pelancongan dan peragaan benda-benda budaya tari yang pelbagai saiz adalah menjadi pilihan untuk menghasilkan beberapa nombor repertoire tari yang diadun untuk pertandingan FTK. Sehingga orang ramai mendapat perhatian lebih kepada tingkat dalaman pada tema, tajuk, serta mesej yang disiapkan dan diperkenalkan. Kes pemilihan tema ini, ditemui sebagai idea yang asas dan berfungsi untuk memantapkan lagi ‘identiti tarian’ dan ‘maskot tarian’ daripada negeri-negeri yang menyertai FTK tersebut.

Cara ini lebih jelas sekali apabila koreografer dengan baik menyusun tari dari perkara itu. Misalnya memahami daripada bidang; idea dan konsep, tekstur dan motif gerak, adegan bahagian struktur tari, komposisi kelompok di lantai, set dekoratif di pentas, peragaan benda etnologi, nyanyian dan teks pantun, suasana estetika dan etika persembahan, sambutan dan gamatnya penonton, organisasi dan pengurusan seni, wartawan dan publisiti, serta cara-cara perakaman videografi tari untuk dokumentari. Semua bidang-bidang tarian yang terkait dan telah didedahkan dalam kajian ini, perkara tersebut diletakkan secara langsung sebagai antitesis dalam mendeskripsikan pengamatan yang kritikal. Terutama dalam elemen-elemen koreografi tari kreatif dan perkara ini tetap mendapat perioriti yang penting untuk diperbincangkan pada bab-bab terdahulu, berbanding dengan koreografi tari asli yang sifatnya tradisional.

Berdasarkan kesimpulan yang dibuat daripada hasil penulisan kajian ini, jelaslah kaedah kajian selalu mengikuti perbincangan kes dalam program FTK. Namun rekomendasi kesimpulan dapat dinyatakan; keutamaan ditempatkan pada aspek awal pemilihan idea tari, tema, mesej, kerangka koreografi, proses latihan studio, teknik

rakaman dan persembahan pentas adalah menjadi perhatian khusus untuk diperbincangkan. Maka daripada itu, beberapa perkara disarankan sebagai berikut:

- 1) Bilamana disadari bahawa seni tari asli-tradisional sebagai perilaku manusia seniman yang berkarya seni, hendaklah perkara seni tari menarik sebagai objek kajian di Malaysia. Apabila wajud tarian FTK, telah memperlihatkan cara-cara mengkonstruksikan tari itu di atas pentas, dalam keperluan bagi suatu program tahunan, seperti festival dan karnival budaya. Ataupun ada beberapa usaha untuk rakaman dokumentari dalam pengembangan kesenian dan kebudayaan Melayu dengan tidak meninggalkan teknik multimedia yang berteknologi sebagai mempelancar proses kreativiti tarian itu.
- 2) Sepatutnya penulisan etnokoreologi tari Melayu Malaysia terus digalakan sebagai pengalaman pengetahuan koreografi, ataupun sebagai sumber keilmuan. Di sini, tari boleh mengubah kegiatan daripada bentuk latihan apresiasi seni yang bersahaja yang sifatnya sosial, kepada bentuk kerja-kerja rakaman videografi untuk dokumentari. Dan juga pencatat etnokoreologi tari daripada aktiviti seni serta penggiat kebudayaan.
- 3) Dalam kehidupan aktiviti tari tradisional Melayu Malaysia, diperlukan lanjutan pengembangan yang bersifat kreatif dan produktif. Pengembangan budaya yang dimaksudkan adalah untuk menghasilkan karya cipta tari dan boleh mempertinggi lagi mutu persembahan, serta mengandungi unsur perubahan yang mantap dari segi transformasi seni dan budaya. Hasil ciptaan tari itu dapat disesuaikan dengan jiwa temporari masa kini, iaitu mengikut konsepsi sejarah persekitaran yang asal. Hingga

hasil karya tari kontemporari yang direka baru itu memiliki ciri yang unik dan khas di Malaysia.

- 4) Kearah pengembangan tari dalam dunianya tersendiri diperlukan kritik tari yang mampu mendorong seniman, koreografer, dan karyawan seni untuk menghadapi kritikan itu secara wajar dalam pembangunan sosiobudaya masyarakat penari. Di samping itu, agar diperlukan berkembang gagasan yang sentiasa menyokong inovatif yang produktif terhadap seni tari Melayu itu, di masa hadapan. Dalam perkembangan kritik seni tari di rantau ini adalah sesuatu bidang yang baru dan suasananya jelas berbeza di tempat yang lain. Kesan yang diperolehi menandakan suasana dunia kritik tari ini telah bermula sekitar tahun 1970-an. Namun begitu, kritikan secara akademik, hanya terbatas pada bidang sastera, lukisan, teater dan filem.<sup>13</sup> Oleh itu, dikesempatan ini pengetahuan kritik kepada bidang seni tari boleh bermula sesegera mungkin, dalam memenuhi tuntutan atas pertumbuhan dan perkembangan tari Melayu Malaysia.
- 5) Faktor pendidikan seni memberi kesempatan, agar koreografer dan jurulatih tari di setiap negeri Malaysia mendapat dorongan yang lebih dan berkesan selama mempersiapkan persembahan tari. Terutama hal berkait untuk memperkatakan, “bagaimana proses belajar dan mengajar tari itu berjalan mengikut cara-cara yang wajar dan berpatutan dengan matlamat terhadap prinsip pendidikan kesenian secara universal”. Di samping, tarian dapat diperhatikan secara impresionistik, dan secara ilmiah agar menjadikan seni tari sebagai proses dan sebagai produk.

Pada akhirnya, jelaslah betapa hebatnya perkembangan perubahan budaya dan seni, serta nilai-nilai yang disebabkan oleh perkembangan seberapa banyak ilmu pengetahuan dan teori gunaan praktikal, seperti juga koreografi, pertumbuhan sejarah kesenian akan terus bergerak sebagai suatu proses pergerakan manusia. Dengan seniman atau koreografer itu sendiri, harus menyertainya pada pelbagai kegiatan dan ini menuju kepada sesuatu matlamat yang jelas merujuk identiti tari yang dipersembahkan. Meskipun dengan sesungguhnya konsepsi seni terhadap matlamat tari itu menegaskan dan memperlihatkan unsur perbezaan dari semasa ke semasa.

Jadi, ringkasnya, tiada dasar dapat untuk mengatakan “bahawa lajunya perkembangan teknologi telah metenggelamkan peranan tari dan kesenian dalam kehidupan manusia, seperti peranan dalam perubahan masyarakat yang sekuler dan moden”. Walau bagaimanapun era milinium masa kini – koreografi tari tidak lagi dibicarakan dalam konteks hukum alam, adat istiadat, upacara, pesta perarakan masyarakat dan teologi yang bersifat spiritual; seperti lewat sedikit masa dahulu. Karya koreografi tari Melayu Malaysia hari ini, masih merupakan suatu proses yang berlaku atas pergerakan aktiviti manusia yang dalam budayanya sendiri. Ia masih mengandungi beraneka tema-tema kejadian, peristiwa sejarah, lengenda, perilaku adat budaya dan acara seni yang bergalur dengan mistik serta ritualistik pada masing-masing kumpulan etnik dan puak. Bahkan persembahan mengikut corak ‘kampung’ di Malaysia.

Di zaman masyarakat yang sedang menghadapi era global ini, maka seni tari dan karya koreografi ini dirasakan dan seharusnya; dapat memainkan peranan penting yang berlaku sebagai *neutral* atau jambatan. Agar ia boleh memainkan nilai-nilai seninya semata-mata untuk kedamaian dan boleh juga dianjurkan sebagai fungsi dalam

mentapis keindahan dalam erti yang cukup beralasan. Daripada itu seni tari Melayu Malaysia harus dipergiatkan untuk mencapai semangat etika dan estetika budaya, serta hendaknya berani menggambarkan dalam menjambatani peristiwa-peristiwa lama dengan keadaan isu yang terbaru. Perkara ini dikehendaki mengikut kenyataan atas dorongan yang kuat, keutamaan dalam menghadapi budaya global itu, yang kononnya tiada pintu sepadan.

Menjelaskan bentuk sifat-sifat peribadi dalam karya koreografi tari yang ditujukan kepada penonton, adalah tugas utama seorang koreografer masa kini, sehingga prinsip saling menghargai dan meminjam di antara *image* dan gagasan idea budaya hendaknya berjalan harmoni atas keperibadiannya. Dan apa-apa yang diperlukan sekarang ialah rekabentuk tari, sepertinya membawa kepada pendekatan yang menyeluruh dengan mempertimbangkan aspek-aspek koreografi dalam tarian. Supaya membolehkan tari itu dinikmati bersama dan juga dihargai oleh masyarakat.

Melalui seni tari ini dapat menyampaikan mesej-mesej yang berunsurkan pendidikan dan spirit berbudaya dalam erti estetika kemasyarakatan. Terutama pendidikan di bidang sejarah, budaya, sosial, komersial dan juga termasuk nilai-nilai apresiasi seni untuk perhargaan kepada sesebuah keindahan yang berguna bagi orang ramai dan peningkatan etika budaya yang berseni. Hal ini betapa sukar, tetapi penting untuk penonton, jikalau orang ramai ingin memahami karya tari itu dengan saksama, dan menyilaminya agar lebih dalam lagi. Memandangkan apa yang berlaku selama program FTK, di sini pengkaji ingin mencadangkan agar ke luar bersama dari dunia yang tertekan. Khasnya tentang tari Melayu yang sesetengahnya masih berkesan kuna ataupun lama yang masih sukar dikembangkan (misalnya kes tari gamenlan dan asyik).

Memanfaatkan pembelajaran tari dan pengalaman menari, merupakan satu tindakan mempedomani kenyataan atas sejarah tari yang lebih tua di rantau ini, yang kesannya telah banyak membincangkan tentang perkara yang sedang dikaji ini.

Di Malaysia, pada kesempatan sekaranglah masanya yang baik bahawa kritik tari itu diperkembangkan lagi mengikut penulisan teori dan analisis tari, agar dimajukan dengan lebih memberangsangkan dalam bahagian lain dari pertumbuhan kebudayaan dan gagasan ini telah banyak berlaku di negara-negara lain. Walaupun masih terlihat karya-karya tari FTK itu agak rumit, dan sukar pada segi melahirkan gerak dan pemikiran koreografernya, tetapi harus cuba dan mendampingi peristiwa yang berlaku mengikut edaran zaman sejarah tari di Malaysia setakat ini. Oleh itu, segala perbincangan pada bab-bab terdahulu, bukanlah bertujuan untuk mengendahkan sejarah tari dan penggunaan selagi wujud dokumentari yang sedia ada yang diperolehi dari simpanan. Sebaliknya kajian ini mensimpulkan, meninjau, dan merekod bahagian terawal daripada antropologi tari Melayu Malaysia dengan mendekati kepada kes, seperti berlaku dalam program FTK. Tambahan lagi, menjadikan dapatan kajian sesuatu perkara pengetahuan tari berdasarkan kepada *ex hypotesis* yang paling berguna. Dan berbalik kepada peringkat analisis dengan sengaja, iaitu meninjau zaman tradisi lama, untuk membuka lembaran baru dalam bidang persembahan tari Melayu yang bersifat gaya kontemporari apabila disedari proses perubahan yang berlaku selama lima dekad dalam dunia tari Melayu Malaysia ini. Ia memerlukan sistem tersendiri dan diperlukan satu bidang istimewa untuk menghasilkan dan memantau koreografi. Seperti perlu wujud organisasi para pakar dan sarjana-sarjana persatuan ‘Koreografi Malaysia’.

Dalam segala rumusan dan kesimpulan, pengkaji hanya hendak menunjukkan pengetahuan kekoreografian dan pentadbiran terhadap penyelenggaran organisasi pengurusan program FTK atau (FTM) itu. Keadaan koreografi tari Melayu Malaysia yang telah berlaku selama ini mestilah mengikut persembahan yang sedia ada, secara tradisional dan kreatif dan bersesuaian untuk dipersembahkan di mana-mana pentas seluruh Negara. Dengan meninjau serba selitas, tentang sejarah tari Malaysia, hingga cara ini boleh menentukan aliran pertumbuhan dan perkembangan tari Melayu untuk masa-masa hadapan. *Khatam*.

## Catatan Hujung Bab Tujuh

<sup>1</sup> Sambutan dalam Kongres Kebudayaan: Dasar Kebudayaan Kebangsaan, (tahun 1971).

<sup>2</sup> Bronislaw Malinowski., Dinamik Bagi Perubahan Budaya. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), hlm. 1-7.

<sup>3</sup> Konsep “Unit Biro Khidmat Nasihat Dan Penggerak Budaya” menyatakan seperti: memberi khidmat nasihat dan menggerakkan usaha-usaha pembinaan kebudayaan melalui perkhemmatan kepakaran, pemikiran, rujukan dan falsafah bidang-bidang tertentu kebudayaan dengan meningkatkan kesahaman institusi, agensi, pertubuhan, orang-orang perseorangan dan mana-mana pihak juapun ke arah penghayatan dan gerakan bersama pelaksanaan Kebudayaan Kebangsaan. Rujuk; Dasar, Matlamat Dan Strategi Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan. (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, Cetakan ketiga, 1985), hlm. 19.

<sup>4</sup> Tarian, tidak sahaja hanya dilihat sebagai persembahan pentas, sebaliknya dalam etnologi tarian kajiannya bertembungan dengan sosial, budaya, ekonomi, politik, agama, humaniti, teknologi, dan terapi.

<sup>5</sup> R. Diyah Larasati., Kecak Rina, Sardono W. Kusuma dan ARMA: Kerja kreatif Seniman Tradisional dan Modern. (Bandung: jurnal Masyarakat Seni Pertunjukan Indonesia, 1997), hlm: 55.

<sup>6</sup> Umar Kayam., Seni, Tradisi dan Masyarakat. (Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, 1981), hlm. 180. (Teks itu telah dialih bahasakan dalam keperluan bagi pemahaman konteks kajian ini).

<sup>7</sup> Rujuk; Mohd Nefi Imran., Ulu Ambek: Silat dan Tari ...., (1997), *passim*.

<sup>8</sup> Tari serampang duabelas adalah sebuah tarian yang pada tahun 1960-an, merupakan tarian cukup popular dipelajari di seluruh wilayah Melayu (Malaysia dan Indonesia), sebagai tarian sosial atau tari pergaulan, khasnya untuk teruna dan dara.

<sup>9</sup> persembahan tari kategori asli pada tahun 1997, 1998, dan 1999 telah menunjukkan bahawa terdapat persembahan tari di luar empat kategori tarian yang dibenarkan (asli, inang, joget dan zapin) iaitu jenis tarian yang dipersembahkan, seperti tarian ronggeng, tandak, igal atau joget-ronggeng.

<sup>10</sup> Kerana itu diturunkan ‘Sambutan Sekapur Sireh’ oleh Dati’ Abdul Kadir B. Hj. Sheikh Fadzir., selaku Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. “Festival Tari Malaysia merupakan kesinambungan kepada perkembangan seni dan budaya tanahair agar ianya sejajar dengan arus globalisasi dan medenisasi alaf ini. Usaha ini haruslah dilihat secara telus dalam usaha membentuk nilai-nilai murni sejahtera melalui ketertiban kreatif dan keharmonian dalam persembahan tari. [sic]. Secara tidak langsung festival ini dapat memberi kesedaran kepada peserta dan penggiat seni bahawa pengisian bidang kesenian sangat panting dalam merangsang industri pelancongan negara serta mampu menambah pendapatan negara. Semoga festival tari [sic] dapat diteruskan dan menjadi teras menjana kepada pembentukan peribadi warga Malaysia khususnya dan pulangan ekonomi amnya”. Rujuk; Buku cenderamata Festival Tari Malaysia. (Kuala Lumpur: KKKP Malaysia dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Selangor, 2002), hlm. 3. Pitikan ini memperlihatkan betapa pentingnya tari berhubungan dengan industri pelancongan dan pulangan pendapatan ekonomi negara. Disebalik itu, di sini pula menandakan sebutan Festival Tari Malaysia diketengahkan bagi mengganti sebutan kepada Festival Tari Kebangsaan selama sepuluh tahun yang lalu.

<sup>11</sup> Kerana kajian mengikut tempat dan Kuala Lumpur sebagai pusat kajian dijalankan. Kemudian meninjauan di tempat lain di negeri Perlis, Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dan juga mengamati ke negeri Sabah dan Sarawak.

<sup>12</sup> Rujuk; Buku cenderamata, KKKP Malaysia, (2002).